

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE

SOALAN

DATUK SERI RONALD KIANDEE (BELURAN) minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah status pembinaan Balai Polis Pekan Daerah Kecil Paitan dalam kawasan Parlimen Beluran

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Daerah Kecil Paitan terletak dalam pentadbiran Daerah Beluran dengan keluasan 2,466 km persegi dan mempunyai jumlah penduduk seramai 29,100 orang. Pengoperasian Polis DiRaja Malaysia (PDRM) di daerah kecil Paitan meliputi sebuah Pondok Polis dengan kekuatan 2 anggota di Kg. Sungai-Sungai dan satu penempatan Pasukan Gerakan Am (PGA) dari Batalion 15 Sandakan dengan kekuatan satu seksyen yang ditempatkan di kawasan ladang Memahat, IJM Plantation.

Cadangan pembinaan Balai Polis Paitan hanya dapat dipertimbangkan setelah permohonan perjawatan baru diluluskan.

Pihak Kementerian Dalam Negeri (KDN) pada masa ini memberikan keutamaan kepada kerja-kerja pembaikan premis PDRM yang uzur dan lebih mendesak. Namun, tertakluk kepada kelulusan perjawatan baharu, cadangan pembinaan Balai Polis Paitan akan disenaraikan dalam *Rolling Plan* (RP) yang berikutnya sekiranya benar-benar berkeutamaan tinggi.